

# Mengkaji Sikap dan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Antarabangsa Sebagai Bahasa Kedua *Studying Students' Attitudes and Motivations in International Language Learning as a Second Language*

Open  
Access

Rosmahalil Azrol Abdullah<sup>1,\*</sup>, Zulida Abdul Kadir<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Centre for Language Studies, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

## ARTICLE INFO

### Article history:

Received 21 December 2018

Received in revised form 5 March 2019

Accepted 2 July 2019

Available online 31 July 2019

## ABSTRACT

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan motivasi pelajar di dalam pembelajaran bahasa antarabangsa sebagai bahasa kedua di Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia (UTHM). Data diperolehi dari pelajar melalui borang soal selidik yang melibatkan seramai 241 pelajar tahun satu. Soal selidik yang diadaptasi dari Dornyei's L2 Motivational Self System Questionnaire telah digunakan di dalam kajian ini. Kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar adalah lebih tinggi berbanding faktor sikap terhadap pemilihan bahasa. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu universiti dalam memperkasakan bahasa antarabangsa sekaligus menaikkan lagi kadar kebolehpasaran pelajar UTHM di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

*This article aims to study the attitude and motivation of students in international language learning as a second language at Tun Hussein Onn University, Malaysia (UTHM). Data was obtained from students through a questionnaire that involved 241 first year students. The questionnaire adapted from the Dornyei's L2 Motivational Self System Questionnaire was used in this study. Studies show that students' motivation levels are higher than their attitude towards language selection. The results of this study are expected to assist universities in strengthening the international language while increasing the UTHM student literacy rates both locally and internationally.*

### Keywords:

Sikap, motivasi, bahasa antarabangsa,  
Dornyei's L2 Motivational Self System  
Questionnaire

*Attitude, motivation, international  
language, Dornyei's L2 Motivational Self  
System Questionnaire*

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

## 1. Pendahuluan

Bahasa ditakrifkan sebagai sistem lambang-lambang vokal yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi [3]. Sesuatu bahasa dinobatkan sebagai penting dan menjadi alat komunikasi

\* Corresponding author.

E-mail address: [azrol@uthm.edu.my](mailto:azrol@uthm.edu.my) (Rosmahalil Azrol Abdullah)

berdasarkan fungsinya sebagai bahasa perdagangan, bahasa ekonomi, bahasa ilmu dan bahasa teknologi di peringkat antarabangsa. Maka istilah bahasa antarabangsa disifatkan kepada sesuatu bahasa yang dominan sepertimana dengan bahasa Inggeris yang telah menjadi bahasa ibunda atau bahasa pertama lebih 45 peratus penduduk 10 buah negara di dunia, seperti United Kingdom, Ireland, Australia, New Zealand, Barbados, Jamaica, Trinidad, Amerika Syarikat, Kanada dan Guayana [2].

Kepentingan bahasa antarabangsa ini terhadap dunia yang tiada sempadan ini jelas, dan pembangunan negara bergantung kepada penguasaan dan teknologi luar negara. Sebagai sebuah negara yang membangun, Malaysia telah menubuhkan “the International Languages Teacher Training Institute” bagi memberi latihan dan kursus Bahasa antarabangsa kepada guru-guru Malaysia [1]. Bahasa antarabangsa juga ditawarkan di hampir seluruh universiti di Malaysia seperti di UM, UPM, USM, UUM, IUM, UMS, UKM, UiTM and UNIMAS [1].

### 1.1 Latar Belakang

Di UTHM, matapelajaran bahasa antarabangsa mula ditawarkan pada tahun 2002. Pada peringkat awal hanya terdapat 4 orang guru bahasa yang dilantik. Dalam tempoh 10 tahun, hasil peningkatan bilangan pelajar maka terdapat 6 bahasa antarabangsa yang ditawarkan iaitu bahasa Jepun, Mandarin, Arab, Perancis, Jerman dan Sepanyol. Bilangan guru bahasa juga turut bertambah sehingga 13 orang. Walaupun begitu, pada tahun 2018 kelihatan wujudnya ketidakseimbangan bilangan tenaga akademik bagi setiap bahasa. Terdapat empat orang guru bahasa Jepun, tiga orang guru bahasa Arab, dua orang guru bahasa Mandarin, dua orang guru bahasa Jerman, dan seorang guru bahasa Sepanyol, Perancis yang berkhidmat di UTHM. Manakala laporan Jabatan Bahasa Antarabangsa, Pusat Pengajian Bahasa UTHM merekodkan seramai 2,640 pelajar mendaftar bahasa antarabangsa pada semester 1 2017/2018. Peratusan mendaftar bahasa Jepun ialah 37 peratus, bahasa Mandarin 20 peratus, bahasa Arab 16 peratus, bahasa Jerman 13 peratus manakala bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol 10%.

Ketidakseimbangan bilangan guru bahasa telah menjadi persoalan dan menunjukkan kecenderungan terhadap sesuatu pilihan bahasa oleh pelajar. Fenomena ini semakin ketara dengan adanya sistem kawalan pendaftaran secara online yang terhad atau “first comes, first serves”. Secara tidak langsung pemilihan sesuatu bahasa adalah bukan berdasarkan persepsi dan motivasi pelajar terhadap bahasa tersebut sebaliknya berdasarkan sistem kawalan. Realitinya universiti telah melaksanakan konsep ‘*limitation*’ berdasarkan penawaran bukan berdasarkan permintaan yang menjadi ukuran sebenar dalam mempelajari bahasa antarabangsa berasaskan sikap dan motivasi.

### 1.2 Objektif

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti bahasa yang paling digemari, tahap motivasi dan sikap pelajar terhadap bahasa yang mereka pilih.

### 1.3 Persoalan kajian

Persoalan kajian yang akan diterokai pada kajian kali ini adalah seperti berikut;

- Apakah bahasa antarabangsa yang paling digemari oleh pelajar?
- Bagaimanakah motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa antarabangsa?
- Apakah sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa antarabangsa?

## 2. Kajian Literatur

Berdasarkan Plan Strategik 2020, penguasaan bahasa selain dari bahasa ibunda adalah penting bagi pembangunan modal insan ke arah pembangunan k- ekonomi. Ia juga penting bagi memacu negara ke arah persaingan inovasi di arena antarabangsa. Universiti di Malaysia adalah digalakkan memberikan peluang kepada pelajar untuk mahir bahasa seperti bahasa Mandarin, Tamil, Jepun, Perancis atau Sepanyol. Tambahan pula, bahasa antarabangsa ini memberikan peluang graduan untuk mendapatkan teknologi dan informasi yang terkini, juga sebagai tambah nilai graduan tersebut untuk menceburi bidang pekerjaan di syarikat multinasional.

Perkembangan pendidikan bahasa antarabangsa telah bermula di Malaysia sejak lebih dari 50 tahun yang lalu. Sebagai contoh, bahasa Jepun diperkenalkan di dalam pendidikan Malaysia sejak tahun 1966 di Universiti Malaya [6]. Bahasa ini terus berkembang dari tahun ke tahun dan kursus ini bukan sahaja ditawarkan di institusi pengajian tinggi, malah di peringkat sekolah. Terdapat banyak kajian yang dijalankan mengenai persepsi, motivasi dan sikap pelajar dalam mempelajari bahasa kedua ini seperti kajian yang dijalankan oleh Nakagawa [9], Takagishi [12], Hieda and Maserah [6,7], dan Jamila Mohd dan Talaibek Musaev [8].

Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa motivasi dan sikap pelajar adalah elemen yang penting bagi menjamin keberkesanan seseorang pelajar menguasai bahasa kedua. Walaupun terdapat perbezaan dalam mengukur keberkesanan penguasaan ini, kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa kedua ini [8].

## 3. Metodologi

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti bahasa antarabangsa yang paling digemari oleh pelajar. Selain dari itu, kajian ini dilakukan untuk mengukur tahap motivasi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa antarabangsa. Kajian ini melibatkan 241 orang pelajar tahun satu dari pelbagai fakulti di UTHM. Satu set borang soal selidik ditebarkan kepada 500 pelajar baru semester 1, 2017/2018 yang mendaftar di universiti ini menggunakan teknik secara rawak.

Kajian ini mengadaptasi instrumen yang dibangunkan oleh Dornyei (Dornyei's L2 Motivational Self System Questionnaire) yang menggunakan 5 skala Likert. Terdapat 3 bahagian di dalam borang soal selidik ini yang merangkumi soalan dan pernyataan mengenai sikap dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. Satu kajian rintis telah dijalankan tiga bulan sebelum tarikh sebenar kutipan data dengan melibatkan seramai 30 orang pelajar tahun satu. Bagi kajian rintis, nilai alpha yang diperolehi adalah 0.835, menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen ini adalah tinggi manakala untuk kutipan data yang sebenar, nilai alpha yang diperolehi ialah 0.830.

Data yang diperolehi direkodkan di *Statistical Package for Social Science (SPSS) software* versi 23.0 dan diinterpretasikan kepada jadual dan rajah. *Normality test* juga dilakukan dan keputusannya menunjukkan bahawa taburan data dengan nilai *skewness* dan *kurtosis* -1.563 dan 1.859. Analisa deskriptif dijalankan untuk mendapatkan min, mod, kekerapan, peratusan, dan sisihan piawai.

## 4. Dapatan Kajian

Terdapat tiga objektif bagi kajian ini. Objektif yang pertama ialah untuk mengenalpasti bahasa antarabangsa yang paling digemari oleh pelajar. Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji menjalankan analisa kekerapan. Jadual 1 menunjukkan kekerapan pemilihan bahasa yang digemari oleh pelajar.

**Jadual 1**  
Pemilihan Bahasa yang Digemari Pelajar (n = 241)

Bahasa	Kekerapan	Peratus
Jerman	18	7.5
Perancis	30	12.4
Jepun	85	35.3
Mandarin	63	26.1
Arab	35	14.5
Sepanyol	10	4.1
Total	241	100

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa pelajar memilih Bahasa Jepun sebagai bahasa yang digemari dengan 35.3% diikuti dengan bahasa Mandarin sebanyak 26.1%, bahasa Arab (14.5%), dan bahasa Perancis (12.4%). Bahasa Eropah seperti Bahasa Jerman dan bahasa Sepanyol mendapat peratusan yang rendah sebanyak 7.5% dan 4.1%.

Objektif yang kedua adalah untuk mengenalpasti motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa antarabangsa.

**Jadual 2**  
Motivasi Integratif Pelajar terhadap Pembelajaran bahasa Antarabangsa (n = 241)

	Min	SisihanPiawaian
1. Sejauh mana anda suka dengan bahasa ini?	3.4	1.218
2. Sejaub mana pentingnya anda mempelajari bahasa-bahasa ini untuk mempelajari lebih lanjut tentang budaya dan seni penuturnya?	4.0	1.047
3. Sejauh mana yang anda fikir mengetahui bahasa-bahasa ini akan membantu anda semasa melancong ke luar negara pada masa akan datang?	4.15	1.035
4. Sejauh mana yang anda ingin menjadi seperti dengan orang yang bercakap bahasa ini?	3.67	1.146

Item-item bagi mengukur motivasi pelajar ini menggunakan 5 skala Likert; "sangat suka", "suka", "neutral", "tidak suka", "sangat tidak suka". Berdasarkan jadual di atas, didapati tahap motivasi integratif pelajar adalah tinggi bagi item 2, 3, dan 4, tetapi di tahap sederhana bagi item 1. Ini adalah berdasarkan piawai yang dicadangkan oleh Boonchom [4] iaitu seperti jadual di bawah:

**Jadual 3**  
Min bagi Tahap Motivasi

Min Tahap Motivasi	
4.51-5.00	sangat tinggi
3.51-4.50	tinggi
2.51-3.50	sederhana
1.51-2.50	rendah
1.00-1.50	sangat rendah

**Jadual 4**

Motivasi Instrumentasi Pelajar terhadap Pembelajaran bahasa Antarabangsa (n = 241)

	Min	Sisihan Piawaian
2. Bahasa ini membantu di dalam kerjaya saya	4.02	0.953
3. Saya mempelajari bahasa ini untuk melayakkan diri ke universiti	3.81	1.015
7. Sejauh mana anda merasakan bahawa mengetahui bahasa ini membantu dalam kerjaya anda di masa hadapan?	3.86	1.062
13. Saya mempelajari bahasa ini bagi tujuan praktikal	3.67	1.146

Bagi mengukur motivasi instrumentasi pelajar, 4 item telah digunakan. Dapatan menunjukkan kesemua empat item tersebut dikategorikan sebagai tinggi apabila kesemua min berada di antara 3.51 ke 4.50.

Bagi objektif yang terakhir, pengkaji ingin mengenalpasti sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa antarabangsa. Jadual 5 di bawah menunjukkan dapatan kajian ini bagi objektif yang terakhir.

**Jadual 5**

Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran bahasa Antarabangsa (n=241)

	Min	Sisihan Piawaian
11. Sejauh mana anda suka melancong ke negara penutur bahasa ini?	4.27	1.123
14. Sejauh mana anda suka berjumpa dengan pelancong dari negara penutur bahasa ini?	3.70	1.043
17. Sejauh mana anda suka dengan mereka yang tinggal di negara penutur bahasa ini?	3.46	1.088
20. Adakah anda ingin mengetahui dengan lebih banyak mengenai mereka dari negara penutur bahasa ini?	2.60	1.242

Sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Antarabangsa ini diukur menggunakan 5 skala Likert; "sangat tidak setuju", "tidak setuju", "tidak pasti", "setuju", "sangat setuju". Oleh yang demikian, data diinterpretasi seperti berikut:

**Jadual 6**  
Min bagi Tahap Sikap

Min bagi Tahap Sikap	
4.51-5.00	sangat positif
3.51-4.50	positif
2.51-3.50	sederhana
1.51-2.50	negatif
1.00-1.50	sangat negatif

Berdasarkan jadual 5, didapati sikap pelajar adalah positif bagi item 11 dan 14, tetapi sederhana bagi item 17 dan 20.

## 5. Kesimpulan dan Cadangan

Kajian menunjukkan bahawa bahasa Jepun mempunyai permintaan yang tinggi dan paling digemari dalam kalangan pelajar berbanding bahasa antarabangsa lain yang ditawarkan. Manakala dari sudut motivasi menunjukkan pelajar tahun satu mempunyai tahap motivasi tinggi. Ini dapat difahami bahawa pelajar baru di universiti mempunyai semangat yang kuat untuk belajar khususnya pembelajaran bahasa antarabangsa. Namun begitu, dari sudut sikap terhadap pembelajaran bahasa antarabangsa menunjukkan tahap sederhana dimana pelajar kurang pendedahan terhadap prospek bahasa yang dipilih.

Dengan ini pengkaji mencadangkan bahawa sistem penawaran bahasa antarabangsa perlu dilakukan secara terbuka untuk memberi peluang pelajar memilih bahasa yang diminati. Sekaligus ia dapat melonjakkan tahap motivasi pembelajaran terhadap bahasa tersebut yang akan disokong oleh sikap positif dalam kalangan pelajar.

Sebagai garis penyelidikan di masa hadapan, satu perbandingan antara pelajar tahun pertama dan tahun akhir boleh dilakukan untuk mendapatkan trend sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa antarabangsa di universiti. Selain dari itu, perbandingan dapatan yang dibuat secara kualitatif dan kuantitatif boleh dilakukan bagi melihat perbezaan dan kesamaan dapatan.

## 6. Penghargaan

Penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC), UTHM atas kerjasama dan sokongan dalam usaha penjaan Geran Kontrak UTHM (C070) untuk menjayakan kajian ini.

## Rujukan

- [1] Zubairi, Ainol Madziah, and Isarji Sarudin. "Motivation to learn a foreign language in Malaysia." *GEMA Online Journal of Language Studies* 9, no. 2 (2009): 73-87
- [2] Awang Sariyan 2012 Bahasa Melayu : Bahasa Antarabangsa dan Upaya Pengantarabangsaannya dimuat turun pada 28 Oktober 2018 [dwbahasa.dbp.my/?p=861](http://dwbahasa.dbp.my/?p=861)
- [3] Bloch, Bernard, and George Leonard Trager. *Outline of linguistic analysis*. Published by Linguistic Society of America at the Waverly Press, 1942.
- [4] Boonchom Srisa-ard. (2002). Introduction to research. 7th Ed. Bangkok : Suweeriyasarn.
- [5] Dörnyei, Z., Csizér, K., & Németh, N. (2006). Motivation, language attitudes and Gardner, R. C. & Lambert, W. E. (1972). Attitudes and Motivation in Second Language globalisation: A Hungarian perspective. Clevedon: Multilingual Matters.
- [6] Hieda, N. A. T. S. U. E., and Maserah Shabudin. "Sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Jepun di kalangan mahasiswa UKM." *Jurnal Linguistik* 16 (2012): 88-103.

- 
- [7] Hieda, Natsue, and Maserah Shabudin. "Sikap Mahasiswa UKM Terhadap Bahasa Jepun: Satu Kajian Kes." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 14, no. 1 (2014).
- [8] Jamila Mohd & Musaev Talaibek (2017). Faktor Motivasi Pelajar Universiti dalam Pembelajaran Bahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*. Jilid 7, p.81-90. (Non-ISI/Non-SCOPUS) Learning. Rowley, Mass: Newbury House Publishers, Inc.
- [9] Nakagawa, M. (2001). Motivations for the acquisition of Japanese as a second language: Trends found in adult learners. *Center for Student Exchange Journal*. 4, 95-120. Oxford, R. L. & Shearin, J. (1994). Language learning motivation: Expanding the theoretical framework. *The Modern Language Journal*. 78(1), 12-28.
- [10] Pejabat Pengurusan Akademik, UTHM dimuatnaik pada 27 Oktober, 2018 dari <http://www.uthm.edu.my/en/latest-info/133-admission-results-for-bachelor-degree-program-2018-2019>
- [11] Pelan Strategik 2020 dimuatnaik pada 27 Oktober, 2018 dari <https://engine.um.edu.my/docs/librariesprovider17/forms-and-circulars-accreditation-guidelines/pelanstrategikpengajiantinggi2020.pdf?sfvrsn=2>
- [12] Takagishi, M. "The relationship between the experience of study abroad and the motivation for studying Japanese: A case study of a short-term study abroad program of American students." *Journal of Japanese language teaching* (2000).